



GARIS PANDUAN LESEN PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT

1. Garis panduan ini terpakai hanya untuk spesis *Aerodramus Fuciphagus* (*Edible – nest Swift*) dan *Aerodramus Maxima* (*Black – nest Swiftlest*).
2. Perusahaan sarang burung walit di kawasan perumahan, peranginan, kawasan dikunjungi orang ramai dan tempat awam in adalah dilarang.
3. Perusahaan hanya dibenarkan di kawasan tanah pertanian (kecuali sawah padi). Bagi pengusaha yang ingin menjalankan aktiviti pemprosesan, hanya dibenarkan di kawasan zon industri ringan.
4. Pengusaha hendaklah mendapatkan persetujuan daripada pemilik - pemilik premis dalam lingkungan 200 meter radius daripada sempadan tanah yang dikira daripada ' *building line* ' premis penternakan burung walit yang dijalankan.
5. Bagi pembinaan bangunan baru, had tinggi bangunan berkenaan adalah tidak melebihi 5 tingkat.
6. Jenis bangunan yang telah diwartakan sebagai warisan (*heritage*) adalah dilarang sama sekali untuk dimajukan sebagai tempat perusahaan dan penternakan burung walit.
7. Lantai bangunan dan dinding (bahagian bawah) hendaklah dibina dari bahan yang kalis / tebat air supaya kerja – kerja pencucian menjadi mudah dan pencemaran bahan – bahan yang menyerap dapat dielakkan.
8. Semua bangunan hendaklah dilengkapi dengan alat pemadam api mengikut keperluan dan syarat – syarat Jabatan Bomba dan Penyelamat.
9. Setiap pengusaha adalah dilarang membina kolam atau tangki air di atas bangunan berkenaan bagi tujuan merendahkan suhu dan kawalan kelembapan dalam bangunan.
10. Kawasan persekitaran dan dalaman bangunan hendaklah sentiasa bersih terutama daripada najis – najis burung.
11. Penggunaan perakam bunyi adalah dilarang sama sekali.
12. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi tempat perusahaan / penternakan.
13. Perlu mendapatkan sokongan daripada Jabatan Kesihatan, Jabatan Perhilitan & Jabatan Haiwan.
14. Pengusaha yang hanya menjalankan aktiviti pemprosesan pembersihan sarang burung tersebut dibenarkan untuk beroperasi di kawasan industri ringan sahaja.